

UJIAN AKHIR SESI AKADEMIK Tahun 6 Sesi 2024/2025

Bahasa Melayu (011)
1 jam 15 minit

ARAHAN:

1. Buka kertas ujian ini apabila diberitahu.
2. Tulis nama dan nama kelas kamu pada ruang yang disediakan.
3. Jawapan anda hendaklah ditulis pada ruang jawapan yang disediakan di dalam kertas ujian ini.
4. Kertas ujian ini hendaklah diserahkan kepada guru bertugas pada akhir ujian.

Untuk Kegunaan Pemeriksa			
Nama Pemeriksa:			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1-10	10	
B	1	5	
	2	5	
C	1	10	
D	1	20	
Jumlah		41	

Bahagian A

[10 markah]

Soalan 1 hingga 3

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Pokok sawi yang Pak Samad tanam amat _____ kerana dibubuh baja.
A kuat
B tegap
C sihat
D subur

- 2 Cikgu Salmah _____ murid-muridnya rajin belajar untuk mencapai cita-cita.
A mengajari
B menasihati
C mengingati
D mendengari

- 3 *Pilih ayat yang betul.*
A Wah, berani dia menentangku di kota ini!
B Amboi, malang sungguh nasibku hari ini!
C Aduh, besarnya rumah banglo milik Dato Sulaiman!
D Syabas, akhirnya kamu johan dalam pertandingan bercerita!

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Setiap hari, Puan Umi menjual kuih untuk membantu suaminya menyara mereka sekeluarga. Sebagai anak sulung, Fatimah menolong ibunya menjual kuih semasa cuti sekolah.

Fatimah menjaga adik-adik ketika ibunya sibuk menyediakan kuih. Dia juga membawa kuih yang dipesan oleh kawan-kawan ke sekolah tanpa mengharapkan upah daripada ibunya.

- 4 Apakah yang dilakukan oleh Fatimah ketika ibunya sibuk menyediakan kuih?
- A Menjual kuih
 - B Menjaga adik-adik
 - C Membawa kuih kawannya
 - D Membantu menyara keluarga
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Suami Puan Umi bekerja sebagai penjual kuih.
 - B Fatimah menjual kuih untuk menyara ibunya.
 - C Ibu Fatimah ialah anak sulung dalam keluarga.
 - D Fatimah membantu ibunya menjual kuih semasa cuti sekolah.
- 6 Berikut ialah amalan yang dilakukan oleh Fatimah berdasarkan petikan *kecuali*
- A menyediakan kuih ibunya.
 - B menolong ibunya menjual kuih.
 - C tanpa mengharapkan upah daripada ibunya.
 - D menjaga adik-adik semasa ibunya sibuk menyediakan kuih.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Cikgu Azman ialah Guru Disiplin SK. Balung. Beliau sentiasa mengingatkan semua pengawas sekolah agar melaksanakan tugas dengan penuh dedikasi.

Cikgu Azman telah melantik Kamil sebagai Ketua Pengawas Sekolah. Dia telah ditugaskan untuk membuat Jadual Tugas Pengawas Sekolah. Kamil dan semua pengawas membantu menjayakan aktiviti sekolah. Mereka menggunakan bahan-bahan seperti kad dan reben. Mereka juga menggunakan warna-warna yang ceria untuk menghasilkan jadual itu.

BAHAN 2



- 7 Cikgu Azman sentiasa mengingatkan semua pengawas sekolah supaya
- A membuat Jadual Tugas Sekolah.
 - B berdedikasi semasa melaksanakan tugas.
 - C melantik Kamil sebagai Ketua Pengawas Sekolah.
 - D bekerjasama membuat jadual tugas dengan teliti.

8

Mereka menggunakan bahan-bahan seperti kad dan reben.

- Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah
- A ikat.
 - B urat.
 - C utas.
 - D gulung.
- 9 Perkataan *ceria* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A indah.
 - B comel.
 - C cantik.
 - D molek.
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Kamil membantu menjayakan aktiviti sekolah.
 - B Cikgu Azman melaporkan salah laku disiplin murid.
 - C Kamil melantik ketua pengawas mengawal disiplin murid.
 - D Cikgu Azman ditugaskan untuk memimpin rakan-rakan murid.

Bahagian B
[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya.

Diven Raj memenangi tempat pertama dalam pertandingan melukis poster sempena Hari Alam Sekitar yang dianjurkan oleh Persatuan Alam Sekitar Sarawak pada minggu lepas. Poster beliau menarik perhatian juri dan memenuhi kriteria yang ditetapkan. Rakan-rakan mengucapkan tahniah kepada Diven Raj atas kemenangannya itu.

1 (a) Diven Raj menyertai pertandingan melukis poster bersempena _____.
[1 markah]

(b) Siapakah penganjur pertandingan tersebut?

[2 markah]

(c) *Garisi satu kata sendi nama yang terdapat dalam ayat diberi.*

Rakan-rakan mengucapkan tahniah kepada Diven Raj atas kemenangannya itu.

[1 markah]

(d) *Pilih dan tandakan (✓) bagi ayat yang sama maksud dengan ayat yang diberi.*

Poster beliau menarik perhatian juri dan memenuhi kriteria yang ditetapkan.

Juri memenuhi kriteria yang ditetapkan dan tertarik dengan poster beliau.	
Poster beliau memenuhi kriteria yang ditetapkan dan menarik perhatian juri.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan**.*

Kamu terpengang kalendar berwarna biru di atas meja yang ada tanda tarikh hari lahir ibu kamu. Hari Sabtu minggu depan merupakan hari jadi ibu. Kamu ingin membeli hadiah untuk ibu. Pada masa yang sama, kamu juga perlu membeli buku rujukan.

2 Apakah tindakan yang akan kamu lakukan? Mengapa?

[5 markah]


Bahagian C
[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang kebaikan membaca buku.

*Tuliskan pendapat kamu tentang **kebaikan-kebaikan membaca buku**.*

*Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu** perenggan.*

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.*




[10 *markah*]

Bahagian D
[20 markah]

*Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk karangan berformat **atau** tidak berformat. Panjangnya karangan kamu hendaklah **antara 50 hingga 80 patah perkataan**.*

BERKEBUN



- 1 Tuliskan cerita berdasarkan gambar di atas.
ATAU
- 2 Tuliskan catatan berdasarkan gambar di atas.

[illegible]

[20 markah]

KERTAS UJIAN TAMAT